

KESUWA jayakan Program Belia UMS dan Komuniti V.3

► Dekatkan mahasiswa dengan komuniti

UB 20.12.2018 B2



KOTA BELUD: Kelab Sukarelawan Siswa (KESUWA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menayakan Program Belia UMS dan Komuniti V. 3 yang diadakan pada 14 hingga 16 Disember 2018 di sini.

Program itu melibatkan seramai 39 orang sukarelawan UMS yang diketuai oleh Rabiatul Adawiyah Abdul Halim selaku Pengarah Program.

Program ini adalah kesinambungan daripada UMS dan Komuniti V.1 dan V.2 yang telah dijalankan di sekitar daerah di negeri Sabah.

Daerah Kota Belud menjadi pilihan program UMS dan komuniti V.3. Dua buah kampung yang terpilih untuk menjalankan aktiviti sukarelawan ini adalah Kampung Jawi-Jawi dan Kampung Taun Gusi Batu 4.

Program sukarelawan di bawah Kelab Sukarelawan Siswa (KESUWA) UMS ini lebih memberikan fokus



SUKARELAWAN terlibat merakam gambar kenangan bersama Panil Kota dan penduduk kampung.

kepada komuniti yang mana berdasarkan kepada konsep sukarelawan itu sendiri iaitu pengabdian kepada masyarakat.

Selain itu, program ini berkonsepkan 'Host Family' di mana sukarelawan akan diserahkan kepada 'Host Family'.

Tujuan program ini dibuat adalah untuk mendekatkan mahasiswa UMS kepada komuniti serta melahirkan lebih ramai pemimpin sukarelawan

di UMS.

Disamping itu, program Belia UMS dan Komuniti ini terbahagi kepada beberapa kluster yang meliputi kluster pendidikan, kesihatan, Agribio, ICT dan keusahawanan, cluster komuniti dan kluster krisis dan bencana untuk memenuhi aspek-aspek kesukarelawan.

Setiap daripada kluster adalah perlu untuk memastikan setiap aktiviti yang dijalankan mampu memberikan impak bukan sahaja kepada sukarelawan

tetapi juga kepada komuniti itu sendiri.

Hal ini perlu bagi memastikan kemampunan sesuatu kluster tersebut dan bagaimana untuk memastikan bahawa sesuatu yang kita sumbangkan memberi impak serta manfaat kepada masyarakat.


Pelbagai aktiviti berpandukan setiap kluster telah dijalankan antaranya, pemeriksaan kesihatan, program derma darah, pameran kesihatan, ceramah kesihatan mental, 'Fun

Learning', aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kampung, masjid dan balairaya, menanam pokok di sekitar kawasan kampung, membuat mural dan membersihkan kawasan tabika, membuat tong sampah menggunakan botol plastik terpakai serta aktiviti sukan rakyat.

Selain itu, aktiviti malam kebudayaan juga turut diadakan bersama penduduk kampung di mana pelbagai budaya dan adat yang dipersembahkan.



SUKARELAWAN bersama-sama penduduk kampung membersihkan kawasan perkarangan masjid Kampung Taun Gusi Batu 4.



MAJLIS adat perkahwinan masyarakat Bajau Kota Belud sempena Malam Kebudayaan di Kampung Jawi-Jawi.

Antaranya ialah adat majlis perkahwinan kaum Bajau, adat bertitik (bermain alat muzik tradisional), persembahan tarian masyarakat Bajau, cara-cara membuat kuih penyaram iaitu makanan tradisional masyarakat Bajau dan didendangkan dengan nyanyian lagu tradisional Bajau oleh penyanyi di kampung itu.

Aktiviti itu diadakan khusus untuk mengeratkan hubungan silaturahmi bersama penduduk kampung sekaligus mempelajari

adat dan kebudayaan masyarakat kampung di situ.

Majlis perasmian penutupan telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Cabang PKR Kota Belud Panil Kota, dihadiri oleh Mohd Jamal bin Atong sebagai wakil TNC HEPa UMS merangkap Penyelaras KESUWA, Roslan Yosut wakil Kampung Jawi-Jawi dan Taun Gusi Batu 4, Rabiatul Adawiyah Abdul Halim, Pengarah Program Belia UMS dan Komuniti V. 3 serta para penduduk kampung.